

Permudah urusan harta pusaka

MAAB rancang tambah saluran pemasaran, perluas produk perwarisan

NORSHAHZURA MAT ZUKI

Myangkasa Amanah Bhd (MAAB) menjangkakan pertumbuhan pengurusan perwarisan di negara ini semakin berkembang dan mengunjurkan peningkatan dalam menguruskan harta pusaka menjelang akhir tahun ini.

Ketua Pegawai Eksekutifnya, Datuk Ahmad Saruji Abdul Aziz berkata, sehingga kini pihaknya menguruskan 300 penyimpanan pusaka dengan anggaran nilai aset bakal ditadbir sebanyak RM150 juta.

“Untuk mendorong peningkatan tersebut, kami bekerjasama dengan Bank Muamalat, Agrobank, Bank Simpanan Nasional,

Affin Bank serta bank berkaitan kerajaan dan Pos Malaysia Berhad serta koperasi di bawah Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Bhd (Angkasa) untuk memberikan kemudahan kepada orang ramai.

“Kami juga memiliki lebih 1500 saluran pemasaran di seluruh negara dan menyediakan perkhidmatan terbaik kepada pelanggan termasuk di Sabah dan Sarawak,” katanya pada sidang media di Gombak, Selangor baru-baru ini.

Sebelum itu, Ahmad Saruji bertemu dengan salah seorang pelanggan, Zaleha Md Yusof yang menggunakan perkhidmatan Myangkasa Amanah untuk menguruskan harta pusaka.

Ahmad Saruji berkata, selain menyediakan perkhidmatan pengurusan harta pusaka, MAAB juga menguruskan syarikat pengurusan amanah, wasiat, hibah milik Angkasa.

“Sehingga kini, MAAB sudah menguruskan lebih 90,000 penyimpanan wasiat, diikuti pengu-



Ahmad Saruji melihat dokumen yang ditunjukkan Zaleha di rumahnya di Gombak, Selangor baru-baru ini.

urusan amanah bernilai RM7 juta dan hibah bernilai RM1.5 juta.

“Kami turut menganjurkan pelbagai program untuk membe-

rikan kesedaran kepada orang ramai mengenai kepentingan pengurusan perwarisan,” katanya. Beliau berkata, MAAB juga

merancang menambah saluran pemasaran untuk memberikan kemudahan kepada pelanggan mendapatkan produk MAAB, sekali gus memperkukuhkan kedudukan mereka di laman web.

Sementara itu, Zaleha berkata, beliau menggunakan perkhidmatan MAAB selepas suaminya meninggal dunia pada Disember 2017.

“Dengan menggunakan perkhidmatan MAAB, ia lebih mudah, cepat dan harga yang dikenakan juga berpatutan.

“Saya hanya perlu menyediakan dokumen yang diperlukan MAAB dan urusan saya hampir selesai,” katanya.

MAAB ditubuhkan ditubuhkan pada 22 Januari 2014

Ia terlibat dalam bidang perancangan harta, pentadbiran harta pusaka dan pengamanahan korporat



Perpustakaan Koperasi
Malaysia ANGKASA